



**PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM ISLAM
DAERAH SEGAMAT
(DARUL SAADAH)**

**BORANG PERMOHONAN
KEMASUKAN KE ASRAMA DARUL SAADAH**

UNTUK TAHUN : _____

NAMA PENUH PEMOHON : _____

' Borang ini tidak boleh dilipat atau digulung. Sila jaga kebersihan borang ini '



DARUL SAADAH ~ PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM ISLAM DAERAH SEGAMAT
 KM. 5, JALAN MUAR 85000 SEGAMAT JOHOR.
 TEL : 07 - 9312581/ 07-9311581 FAX : 07 - 9311976 e-mail : pkayis@yahoo.com / pkayis@tm.net.my

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN KEMASUKAN KE ASRAMA DARUL-SAADAH
 PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM ISLAM DAERAH SEGAMAT (DARUL SAADAH)**

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN KEMASUKAN KE ASRAMA DARUL-SAADAH, ANTARA LAINNYA ADALAH :-

1. Pemohon benar-benar berminat untuk tinggal di asrama ini (tanpa paksaan mana-mana pihak) dan bersungguh-sungguh untuk belajar.
2. Pemohon yang kematian bapa kandung atau kematian bapa dan ibu kandung sahaja diterima.
3. Pemohon yang ibunya telah berkahwin baru tidak diterima, kecuali anak-anak yang sedia ada di asrama ini dibenarkan memohon semula.
4. Pemohon perlu memberi maklumat bapa tiri bagi anak yang telah sedia ada di asrama ini.
5. Pemohon wajib dan sanggup untuk bersekolah agama.
6. Pemohon bukan dari kalangan yang pernah dibuang sekolah.
7. Pemohon bukan merupakan anak yang bermasalah di sekolah lama atau di kampung atau tempat tinggalnya dan tidak merokok.
8. Bagi pemohon baru dan bakal naik ke tingkatan 5, tidak diterima.
9. Bagi pemohon baru yang tidak boleh membaca atau menulis tidak dapat diterima.
10. Sebarang surat / dokumen sokongan / desakan daripada Wakil Rakyat atau pemimpin parti siasah tidak akan dilayan.
11. Jika difikirkan perlu, surat Ketua Kampong sahaja akan diminta.
12. Anak-anak dalam keluarga miskin dan berminat dalam pelajaran akan lebih diutamakan.
13. Hanya borang yang telah lengkap diisi sahaja akan dipanggil menjalani temu duga. (Mana-mana ruang yang memerlukan laporan sekolah hendaklah dilengkapkan dengan sepenuhnya oleh pihak sekolah).
14. Urusan pertukaran sekolah hanya boleh dibuat oleh pemohon setelah mendapat keputusan yang mereka telah diterima masuk ke asrama PKAYIS.

SILA AMBIL PERHATIAN :-

Pihak pentadbiran / urus setia pemilihan berhak menolak dan tidak memanggil sebarang bentuk temu duga, jika keseluruhan borang ini :

Tidak diisi atau tidak dilengkapkan sepenuhnya sebagaimana yang dikehendaki.

Tidak dikembalikan salinan photostat seperti - sijil kelahiran pemohon, kad pengenalan pemohon, kad pengenalan ibu / penjaga, sijil kematian atau lain-lain.

Tidak mendapatkan maklumat berkaitan persekolahan termasuk maklumat sekolah agama.

DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN BERSAMA-SAMA BORANG PERMOHONAN INI

(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT DARUL SAADAH)

1. Satu salinan Surat Mati Bapa / Ibu dan Bapa.
2. Satu salinan Surat Beranak Pemohon,
3. Satu salinan Kad Pengenalan Penjaga.
4. Satu salinan Kad Pengenalan Pemohon.
5. Satu salinan Keputusan Peperiksaan Yang Terkini.

Dirujuk kepada Pengerusi Jawatankuasa Biro Pemilihan dan Tatatertib.

Tarikh dan Masa Temu duga

Tarikh : / /

Masa :

TARIKH TERIMA : / /

Pengesahan / Sokongan Oleh Ketua Kampung / Pengurus FELDA / Timbalan Pengerusi JKRR (FELDA) /
Pengerusi Ladang (di mana Tempat Pemohon Tinggal)

(Ruang ini wajib diisi dan hanya boleh dilakukan oleh salah satu daripada mereka yang berkenaan
di atas sahaja)

1. Disahkan ibu kepada pemohon ini adalah seorang ibu tunggal kerana kematian suami.
2. Disahkan bahawa pemohon adalah anak kandung (bukan anak angkat) kepada ibu yang berkenaan ini.
3. Disahkan bahawa pemohon ini adalah anak buah dalam kawasan jagaan saya.
4. Disahkan bahawa pemohon seorang yang baik pekerti dan tidak tergolong dalam golongan mereka yang kurang / tidak disenangi masyarakat.
5. Disahkan bahawa ibu / penjaga pemohon dan keluarganya adalah :

Keluarga miskin / kurang bernasib baik dan amat memerlukan bantuan,

Atau :

Keluarga sederhana / berada dan tidak bermasalah dari segi keperluan kewangan / perbelanjaan harian.

6. Disahkan ibu kepada pemohon ini;

Belum pernah bernikah & belum berkahwin lain,

Atau;

Telah bernikah & telah berkahwin lain,

Nama suami : _____

Tarikh bernikah : _____

Pekerjaan suami : _____

7. Jika pemohon diterima masuk ke asrama Darul-Saadah, pihak saya sedia memberikan kerjasama dengan pihak pertubuhan ini terutama apabila berlaku pelanggaran disiplin yang dilakukan oleh pemohon termasuk jika terpaksa dikeluarkan dari terus tinggal di Asrama Darul-Saadah kelak.

Tandatangan & cap rasmi:

NAMA PENUH : _____